

Sidang DUN Perak

7,872 hektar tanah Perak diceroboh

Kerajaan negeri laksana pelbagai inisiatif atasi isu peneroka haram

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Sejumlah 7,872 hektar kawasan atau meliputi 0.38 peratus keluasan tanah di Perak, diceroboh dengan aktiviti seperti pembinaan kediaman, pertanian, penternakan dan perusahaan sehingga Disember 2022.

Menteri Besar Perak, Datuk

Seri Saarani Mohamad, berkata ia berdasarkan rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri dengan aktiviti pertanian mencatatkan pencerobohan tertinggi iaitu 7,307.59 hektar (92.82 peratus); disusuli 400.09 hektar yang digunakan secara tidak sah untuk penternakan dan perusahaan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan berkata, baki 165.03 hektar lagi dikesan diceroboh dan digunakan untuk tujuan pembangunan kediaman iaitu penempatan setinggan.

Beliau berkata, kerajaan negeri melaksanakan pelbagai inisiatif tambahan dalam menyelesaikan isu penerokaan haram di atas tanah kerajaan termasuk

pemutihan tanah kerajaan melalui agensi.

“Tujuannya untuk memberi milik mana-mana tanah kerajaan negeri yang diteroka dengan aktiviti pertanian dan penternakan kepada pihak agensi dan perbadanan negeri untuk dipajak sewa kepada peneroka terbabit bagi membolehkan aktiviti mereka diteruskan seperti biasa,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Razman Zakaria (PN-Gunung Semanggol) ketika Persidangan Dewan Undangan negeri (DUN) Perak semalam.

Tanah milik kerajaan

Mengenai soalan berkaitan peratusan keluasan tanah berjaya dikembalikan, Saarani

“Berdasarkan rekod PTG negeri aktiviti pertanian mencatatkan pencerobohan tertinggi iaitu 7,307.59 hektar (92.82 peratus)”

Saarani Mohamad,
Menteri Besar Perak



berkata analisis data menunjukkan antara 2018 hingga 2021 sejumlah 5,959.74 hektar tanah kerajaan yang diteroka secara haram diberi milik kepada pelbagai agensi dan perbadanan milik kerajaan.

Katanya, daripada jumlah itu, 3,930.79 hektar disewa atau dipajak kepada peneroka terbabit, diikuti 700.92 hektar dilaksanakan tindakan penguatkuasaan dan baki 1,328.03 hektar lagi adalah dalam perancangan untuk pembangunan, penyewaan atau pajakan, kepada peneroka haram.